

KHUTBAH JUMAAT

“KEBERSAMAAN MEMPERTAHANKAN PALESTIN” (27 Oktober 2023M/ 12 Rabiulakhir 1445H)

الْحَمْدُ لِلّٰهِ، الْحَمْدُ لِلّٰهِ الذِّي خَلَقَ الْإِنْسَانَ فِي أَحْسَنِ تَقْوِيمٍ، وَأَمَرَنَا
بِالْتَّقْوَىٰ وَالْحُلْقِ الْكَرِيمِ. وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلٰهَ إِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،
وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللّٰهُمَّ صَلِّ وَسِلِّمْ عَلَىٰ سَيِّدِنَا
مُحَمَّدٍ وَ عَلَىٰ آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللّٰهِ، إِتَّقُوا اللّٰهَ
حَقَّ تُقَاتِهِ، وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Takwa dan iman adalah pelita yang menyinari hati dan kalbu kita, memimpin ke jalan yang benar, memenuhi jiwa dengan kebaikan dan rahmah, menghakis sifat yang buruk dalam hati dan menggantikan kebencian dengan kasih sayang, memandu ke arah kesejahteraan dan keamanan, di dunia dan di akhirat. Justeru, marilah kita meningkatkan keimanan dan ketakwaan dengan menunaikan perintah dan menjauhi tegahan Allah *subhanahu wata'ala*. Mudah-mudahan kita menjadi umat yang terbaik, mampu menjadi contoh dan ikutan umat-umat yang lain.

Khatib ingin mengingatkan para jemaah agar memberi sepenuh perhatian kepada khutbah yang disampaikan dan tidak melakukan perkara-perkara yang boleh menghilangkan pahala Jumaat. Kandungan mimbar pada hari ini akan membicarakan secara khusus tajuk "**Kebersamaan Mempertahankan Palestin**".

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Lembaran sejarah bumi Palestin menyaksikan pelbagai kisah duka dan pertumpahan darah yang berlaku terhadap rakyat Palestin. Sejak pendudukan haram Zionis-Israel di bumi Palestin yang bermula pada tahun 1948, selama 75 tahun rakyat Palestin saban hari ditindas, dinafikan hak kemanusiaan dan dizalimi. Bahkan banyak wilayah mereka telah dirampas pendatang haram Yahudi dengan rakus dan tamak tanpa segan silu melanggar nilai-nilai kemanusiaan. Allah *subhanahu wata'ala* berfirman mengenai sifat orang Yahudi di dalam surah al-Baqarah, ayat 96:

وَلَتَجِدَنَّهُمْ أَحْرَصَ النَّاسَ عَلَى حَيَاةٍ وَمِنَ الَّذِينَ أَشْرَكُوا هُنَّ يَوْدُّونَ أَحَدُهُمْ
لَوْ يُعَمَّرُ أَلْفَ سَنَةٍ وَمَا هُوَ بِمُرْزَحٍ هُنَّ أَنْ يُعَذَّبُونَ وَاللَّهُ بَصِيرٌ
بِمَا يَعْمَلُونَ

Maksudnya: Demi sesungguhnya engkau (*wahai Muhammad*) akan dapati mereka itu setamak-tamak manusia kepada hidup (yang lanjut masanya), dan (lobanya mereka kepada hidup itu) melebihi loba orang kafir musyrik. Tiap-tiap seorang dari mereka suka kiranya ia boleh hidup seribu tahun, padahal umur panjang yang demikian, tidak akan dapat melepaskannya dari azab (yang disediakan oleh Allah). Dan (ingatlah), Allah sentiasa melihat akan apa yang mereka lakukan.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Konflik perang di Palestin masih belum berakhir. Sejak 7 Oktober 2023 hingga kini, lebih daripada 5,000 orang rakyat awam Palestin

telah menjadi mangsa pembunuhan beramai-ramai oleh rejim zionis Israel. Manakala tidak kurang daripada 15 ribu orang pula menderita kecederaan.

Rejim zionis Israel dengan angkuh dan sompong terus melakukan kekejaman mereka dengan menjadikan kawasan awam seperti hospital, sekolah dan penempatan penduduk sebagai sasaran serangan udara mereka. Baru-baru ini Kem Pelarian al-Shati pula diserang sehingga menyebabkan puluhan jiwa terkorban dan tercedera dan seperti biasanya, kebanyakannya adalah wanita dan kanak-kanak.

Dilaporkan bahawa lebih 1,000 kanak-kanak dilaporkan terbunuh dalam 11 hari pertama serangan udara Israel ke atas Semenanjung Gaza, dan secara purata seorang kanak-kanak terkorban setiap 15 minit. Rejim Zionis sebenarnya telah secara terang-terangan melakukan genosid terhadap umat Islam di Palestin.

Betapa hancur luluh hati ini melihat jasad anak-anak kecil, kaum wanita, orang-orang tua dan orang awam bergelimpangan akibat diserang Zionis Israel tanpa sedikit pun rasa perikemanusiaan. Mereka beranggapan bahawa mereka kuat dan tidak mampu dikalahkan kerana berselindung di sebalik kuasa-kuasa besar dunia.

Menurut Agensi Bantuan dan Kerja Raya Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNRWA), pengeboman dan sekatan Israel ke atas Gaza juga telah menyebabkan lebih sejuta orang kehilangan tempat tinggal, iaitu hampir separuh daripada keseluruhan penduduk Gaza.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Rakyat Palestin yang berada di Gaza khususnya, terkepung dari dunia luar. Tembok-tembok besar dan tinggi yang tak ubah seperti penjara dibina bagi memberi tekanan terhadap penduduk Gaza. Tujuannya, supaya mereka semua lari keluar meninggalkan wilayah tersebut dan memudahkan rejim Zionis Israel menguasainya. Warga tua, kaum wanita dan anak-anak kecil dikurung di penjara terbuka itu. Diberi tekanan demi tekanan. Mereka menderita di tanah air sendiri yang dirompak Zionis manakala bantuan-bantuan pula disekat masuk oleh Israel. Mereka turut dihimpit oleh pertubuhan-pertubuhan dunia yang dipengaruhi oleh Zionis yang zalim dan tidak berperikemanusiaan.

Zionis Israel mendakwa mereka pemilik asal tanah tersebut sedangkan hakikatnya mereka tidak layak pun memilikinya. Mereka merampas Palestin dengan melobi kuasa besar dunia ketika itu melalui pelbagai cara dan perjanjian. Mereka memanipulasi sejarah untuk memperdayakan generasi baharu. Mereka juga sering berselindung di sebalik laungan hak asasi manusia namun sebenarnya merekalah yang bertindak ganas seperti haiwan terhadap rakyat Palestin. Rakyat Palestin terus diratah tanpa belas kasihan. Selagimana Zionis Israel menguasai Palestin, selagi itulah umat Islam di sana akan hidup merana dan sengsara.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Ketika kita di sini dapat beristirehat di kediaman yang selesa, penduduk Gaza hanya berteduh dalam runtuhan bangunan yang

binasa. Ketika anak-anak kita di sini leka bermain dengan telefon, anak-anak Gaza di“dendang”kan dengan bedilan peluru dan bom. Ketika kita di sini buntu memilih aneka juadah yang banyak, mereka di sana terpaksa mencatu makanan bagi bekalan untuk hari mendatang. Ketika kita masih boleh bergelak ketawa bersama keluarga tercinta, mereka di sana hilang semuanya sekelip mata. Ketika kita di sini masih boleh merancang untuk bersiar-siar, ketahuilah bahawa mereka di sana menunggu giliran untuk syahid.

Mereka juga saudara kita yang wajib kita kasihi dan bantu apatah lagi dalam keadaan mereka yang ditindas dan dizalimi. Mereka sangat memerlukan bantuan dan sokongan daripada negara-negara luar terutamanya saudara-saudara seiman. Daripada Nu’man bin Basyir *radiallahu anhu* meriwayatkan bahawa Nabi *sallallahu alaihi wasallam* bersabda:

((مَثُلُ الْمُؤْمِنِينَ فِي تَوَادُّهِمْ وَتَرَاحُمِهِمْ وَتَعَاطُفِهِمْ مَثُلُ الْجَسَدِ، إِذَا اشْتَكَى مِنْهُ عُضُّوٌ، تَدَاعَى لَهُ سَائِرُ الْجَسَدِ بِالسَّهْرِ وَالْحُمَّى))

Maksudnya: *Perumpamaan orang mukmin dalam sikap saling mencintai, mengasihi dan menyayangi seumpama tubuh. Jika satu anggota tubuh sakit, maka anggota tubuh yang lain akan susah tidur atau merasakan demam.*

(*Hadis riwayat Imam Muslim*)

Justeru, Majlis Islam Sarawak menyeru seluruh umat Islam di Sarawak untuk bersama-sama menyatakan sokongan terhadap rakyat Palestin dengan melaksanakan qunut nazilah dan

memanjatkan doa yang bersungguh-sungguh kepada Allah *subhanahu wata'ala* agar mereka sentiasa diberi perlindungan dan keselamatan, kekuatan dan ketabahan, serta kemenangan dalam menghadapi musuh-musuh nyata mereka.

Di samping itu, Majlis Islam Sarawak mengajak kita bersama-sama terus memberikan sumbangan kepada Tabung Musa'adah Tabung Kecemasan Misi Kemanusiaan Kepada Rakyat Palestin melalui kutipan Sadaq Jumaat di masjid-masjid dan surau-surau berjumaat seluruh Sarawak yang akan diserahkan oleh Majlis Islam Sarawak kepada JAKIM. Semoga harta yang kita infakkan ini diterima oleh Allah *subhanahu wata'ala*. Daripada Zaid bin Khalid *radiallahu anhu*, bahawa Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* telah bersabda:

((مَنْ جَهَّزَ غَازِيًّا فِي سَبِيلِ اللَّهِ فَقَدْ غَرَّا وَمَنْ خَلَفَ غَازِيًّا فِي سَبِيلِ اللَّهِ بِخَيْرٍ فَقَدْ غَرَّا))

Maksudnya: Sesiapa yang mempersiapkan keperluan orang yang berperang pada jalan Allah, maka dia dianggap telah ikut berperang. Dan barangsiapa yang menjaga keluarga orang yang berperang dengan baik maka dia dianggap telah ikut berperang.

(*Muttafaq 'alaih*)

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Dalam masa yang sama, Majlis Islam Sarawak menasihati umat Islam supaya tidak terlibat dalam penganjuran atau turut serta dalam acara yang boleh menjaskankan akidah seperti pesta Halloween dan

memandang serius serta prihatin terhadap hal ehwal yang berkaitan dengan akidah ummah.

Pesta Halloween dikenali dengan acara pemakaian kostum yang aneh dan mengandungi unsur-unsur mistik atau seram amat popular di Barat. Ia menarik minat orang ramai untuk turut serta meraikan pesta ini.

Dalam kalangan umat Islam ada yang beranggapan pesta halloween sekadar acara seram semata-mata tetapi mereka terlepas pandang wujudnya elemen-elemen yang bertentangan dengan ajaran agama Islam dalam pesta tersebut.

Oleh itu, umat Islam diseru untuk kembali kepada ajaran agama yang benar berdasarkan Al-Quran dan Sunnah, dan tidak mudah terpengaruh dengan budaya asing yang tidak sesuai dengan ajaran Islam dan membawa kepada kemudaratan akidah dan akhlak.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Pada kesempatan ini juga, bersempena dengan Hari Sukan Negara Peringkat Sarawak yang akan disambut pada 28 Oktober 2023 ini, khatib menyeru supaya umat Islam terus mengamalkan gaya hidup yang sihat dengan meluangkan masa untuk melakukan sukan, senaman dan sebagainya. Semoga dengan kesihatan akli dan jasmani yang diperolehi akan menjadikan kita mampu untuk terus melaksanakan ibadah dengan lebih sempurna dan menjalani kehidupan sehari-hari dengan penuh bermakna.

Mengakhiri khutbah, marilah kita bersama-sama mengambil pengajaran dan penghayatan daripada khutbah ini, antaranya ialah :

Pertama : Rakyat Palestin ditekan saban hari supaya mereka lari keluar meninggalkan bumi Palestin. Namun, kekentalan dan keteguhan hati umat Islam di sana terus mempertahankan tanah air mereka daripada dikuasai oleh rejim Zionis.

Kedua : Umat Islam perlu bersatu terutamanya dalam menyatakan sokongan dan pertolongan terhadap rakyat Palestin yang menjadi mangsa kekejaman rejim Zionis.

Ketiga : Umat Islam dinasihatkan agar tidak terlibat dalam penganjuran atau turut serta dalam acara yang boleh menjelaskan akidah seperti pesta Halloween dan memandang serius serta prihatin terhadap hal ehwal yang berkaitan dengan akidah ummah.

Keempat : Umat Islam hendaklah sentiasa mengamalkan gaya hidup sihat dalam kehidupan seharian.

Marilah kita bersama-sama menghayati firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah Ibrahim, ayat 42:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ . بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ .
وَلَا تَحْسَبَنَّ اللَّهَ غَافِلًا عَمَّا يَعْمَلُ الظَّالِمُونَ ه إِنَّمَا يُؤَخِّرُهُمْ لِيَوْمٍ تَشْخُصُ
فِيهِ الْأَبْصَارُ

Maksudnya: *Dan janganlah engkau (wahai Muhammad) menyangka Allah lalai akan apa yang dilakukan oleh orang yang zalim;*

sesungguhnya Dia hanya melambatkan balasan mereka hingga ke suatu hari yang padanya terbelia kaku pemandangan mereka, (kerana gerun gementar melihat keadaan yang berlaku).

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْءَانِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلاؤَتُهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، أَقُولُ
قَوْلِي هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ
وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ

KHUTBAH JUMAAT KEDUA

الْحَمْدُ لِلّٰهِ. الْحَمْدُ لِلّٰهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمْرَ. أَشْهُدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهُدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللّٰهُمَّ صَلِّ وَسِّلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى أَهْلِهِ وَاصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللّٰهِ، اتَّقُوا اللّٰهَ حَقَّ تُقَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

قَالَ اللّٰهُ تَعَالَى:

إِنَّ اللّٰهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسِلِّمُوا تَسْلِيمًا اللّٰهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى أُلَّ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى أُلَّ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى أُلَّ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى أُلَّ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، فِي الْعَالَمِينَ، إِنَّكَ حَمِيدٌ مَحِيدٌ.

وَارْضَى اللّٰهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ الْمَهْدِيَّينَ، سَادَاتِنَا أَيُّهُ بَكْرٌ وَعُمَرٌ وَعُثْمَانَ وَعَلِيٍّ، وَعَنِ الصَّحَابَةِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. اللّٰهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبٌ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِي الْحَاجَاتِ.

اللَّهُمَّ أَعِزَّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَذْلِّ الْمُعْتَدِينَ الظَّالِمِينَ، وَدَمِرْ أَعْدَاءَكَ
أَعْدَاءَ الدِّينِ. اللَّهُمَّ عَلَيْكَ بِالْيَهُودِ الْمُعْتَدِينَ الَّذِينَ قَتَلُوا إِخْوَانَنَا
الْمُسْلِمِينَ فِي فَلَسْطِينَ، اللَّهُمَّ بَدِّلْ شَمْلَهُمْ وَفَرِقْ جَمْعَهُمْ، وَشَتِّتْ
كَلِمَاتَهُمْ، وَزَلِزلْ أَقْدَامَهُمْ، وَسَلْطُ عَلَيْهِمْ كُلُّا مِنْ كِلَابِكَ، يَا قَهَّارَ يَا
جَبَّارُ، يَا مُنْتَقِمُ، يَا اللَّهُ يَا اللَّهُ يَا اللَّهُ.

اللَّهُمَّ يَا مُنْزِلَ الْكِتَابِ، وَيَا مُجْرِيَ السَّحَابِ، وَيَا هَازِمَ الْأَخْرَابِ،
إِهْزِمْهُمْ وَانْصُرْنَا عَلَيْهِمْ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

اللَّهُمَّ انصُرْ إِخْوَانَنَا فِي كُلِّ مَكَانٍ وَخُصُوصًا فِي بِلَادِ فَلَسْطِينَ، وَارْفَعْ
عَنْهُمُ الْقَحْطَ وَالْبَلَاءَ وَالْحَرْبَ وَالْأَعْتِدَاءَ بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

Ya Allah, ampunilah dosa-dosa dan kesalahan kami, ibubapa kami, ahli keluarga dan guru-guru kami. Limpahkanlah kesejahteraan, kedamaian dan kebahagiaan kepada kami semua dalam kehidupan di dunia dan di akhirat.

Ya Allah, Ya Rahman, Ya Rahim! Berikanlah taufiq dan hidayat-Mu kepada kami semua dan juga kepada pemimpin-pemimpin Negara kami, khasnya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia, dan juga pemimpin-pemimpin negeri kami, khususnya Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak.

Ya Allah! Kurniakanlah kami rezeki yang halal lagi diberkati, hindarilah kami dari sebarang bentuk gejala rasuah dan perlanggaran kepada peraturan dan undang-undang. Kurniakanlah keselamatan dan

kesejahteraan, jadikanlah kami ummah yang berkualiti dan berintegriti demi mencapai negara yang aman dan makmur serta mendapat perlindungan-Mu, ya Allah.

Ya Allah, Ya Dzal Jalali Wal Ikram! Ya Allah, kukuhkanlah perpaduan dan kesatuan kami dalam aqidah, ibadah dan akhlak di bawah pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Limpahkanlah ke atas kami nikmat keselamatan, kesihatan dan kefaian. Kurniakanlah kesembuhan kepada mereka yang diuji dengan penyakit-penyakit dan bebaskanlah negara kami daripada segala perkara yang tidak diingini dan wabak penyakit.

Ya Allah! Bantulah saudara-saudara kami (orang Islam) di mana sahaja mereka berada, khususnya di negara Palestin. Kurniakanlah kepada mereka perlindungan, keselamatan dan kemenangan dalam menghadapi musuh-musuh nyata mereka. Angkatkanlah daripada mereka bala bencana, peperangan dan permusuhan dengan limpah rahmat-Mu, Tuhan yang Maha Rahmat.

رَبَّنَا أُتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقَنَا عَذَابَ النَّارِ. أَمِينٌ،
أَمِينٌ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَإِلَيْهِ الْحُسَانُ. وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَا عَنِ
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ. يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ
يَدْكُرُكُمْ. وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدُّكُمْ. وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ. وَلَذِكْرُ
اللَّهِ أَكْبَرُ. وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ. أَقِيمُوا الصَّلَاةَ.